

Apa Erti Mencapai Baligh (Siri 2)

Disertakan oleh ad

Ibu bapa sendiri tidak boleh jahil dan mesti ada ilmu yang menyeluruh mengenai persoalan baligh.

Semua orang di atas dunia ini, baik lelaki maupun wanita, baik Muslim ataupun kafir telah dan akan melalui takah umur yang dinamakan baligh.

Dalam bahasa Melayu kita fahami “cukup umur” atau “sampai umur”. Dalam konteks penyediaan mental dan spiritual anak-anak yang akan menghadapi usia baligh ini pula, maka ibu bapa yang telah “lama baligh” bertanggungjawab dan wajib mendidik serta memberikan maklumat yang tepat (jelas) kepada mereka. Jadi, ibu bapa sendiri tidak boleh jahil dan mesti ada ilmu yang menyeluruh mengenai persoalan baligh ini.

Semasa saya di bangku persekolahan dulu saya pernah didedahkan bahawa ada orang yang sudah bergelar datuk, tapi belum tahu mandi wajib lagi! Bagaimana dengan anak cucunya? Ini sudah berat. Bila tak tahu mandi wajib, apa jadi dengan sembahyangnya dan ibadatnya? Para pembaca tentu tahu risikonya, kan? Pendek kata, kita memang tidak boleh jahil dan tak boleh bersikap tak mahu ambil tahu soal-soal agama ini. Kemudian, sebagai umat Islam dan hamba yang beriman kepada Allah, kita patut sekali bersyukur kepada-Nya.

Terlalu banyak nikmat dan rahmat yang Allah berikan kepada kita. Baik berbentuk lahir atau maknawi. Baik jasmani mahupun rohani. Cuma, sama ada kita sedar ataupun tidak.

Didikan Khas

Bayangkan, mana ada agama selain agama Islam yang amat prihatin mengajar, membimbing dan memberikan satu “didikan khas” kepada umatnya berkenaan usia baligh ini. Memang tak ada.

Sementara itu, ilmu mengenai baligh ini hendaklah dihadamkan sebelum baligh lagi sebagai persediaan dan perkakas perlu bagi menghadapi satu fasa umur yang penuh dengan cabaran dan perjuangan. Jadi seawal usia mumayyiz (7 tahun), ilmu-ilmu asas agama termasuk “Bab Baligh” ini sudah disampaikan secara berperingkat-peringkat kepada anak-anak kita mengikut tahap IQ atau tahap pemahaman mereka.

Islam amat menitik beratkan nasib dan kebajikan umatnya. Tidak seperti agama-agama lain yang langsung tidak kisah apa yang telah dan akan berlaku pada umatnya. Bab “baligh” atau sampai umur ini ada diceritakan di dalam kebanyakan muqaddimah ilmu feqah. Jadi bolehlah para pembaca merujuk kepada kitab-kitab feqah atau bertanya teruslah kepada alim ulama untuk mendapatkan lebih penjelasan, insya-Allah.

Sebelum kita bercakap mengenai baligh, kita perlu kenal dahulu apa yang dikatakan taklif atau mukallaf. Kerana baligh atau “sampai umur” ini adalah salah satu dari 5 syarat (pelengkap) mukallafnya seorang itu.

Erti Taklif

Pada sudut bahasa, ‘taklif’ bererti: Satu tuntutan yang mengandungi bebanan dan tekanan.

Manakala pada istilah syarak pula ‘taklif’ bererti: Ketetapan Allah ke atas hamba-hamba-Nya supaya melakukan apa yang diperintahkan-Nya dan meninggalkan apa yang ditegah-Nya hingga ia menjadi suatu “bebanan” ke atas dirinya.

‘Mukallaf’ ialah: Orang yang dituntut supaya melaksanakan ajaran Islam.

Bandingan

Macam seorang pekerja atau penjawat awam di atas dunia juga. Untuk kenaikan pangkat atau setelah naik pangkat, bermakna semakin banyaklah bebanan kerja. Namun sesuatu yang yang kita rasa dan nampak “beban dan suruh” itu sebenarnya mengandungi rahmat Allah yang luas lagi tidak bertepi. Di atas dunia ini terkadang dan biasa berlaku, seorang pekerja telah diperah tenaganya hingga menjadi bebanan yang teruk tanpa ia mendapat ganjaran yang setimpal malah ia menjadi mangsa. Sedangkan, sifat apa yang dinamakan taklif atau ‘bebanan’ Allah ke atas hamba-Nya tidak begitu dan sekali-kali tidak begitu.

Taklif atau bebanan dari Allah ke atas hamba-hamba-Nya itu imma melakukan segala perintah-Nya ataupun meninggalkan segala larangan-Nya, semuanya membawa kepada rahmat serta manfaat ke atas diri mereka sendiri. Buat yang Allah suruh akan membawa kepada kebaikan dan kelebihan manakala meninggalkan tegahan Allah akan menjauhkan diri kita dari kejahatan, kecelaan dan kekurangan. Maha Penyayang dan Pengasihnya Allah s.w.t.

Secara ringkas syarat-syarat TAKLIF itu ialah :

1. Islam – tidak dibebani orang bukan Islam dengan ibadat apa pun kerana kalau mereka buat sebanyak mana ibadah atau kebaikan pun, ia tidak sah dan tidak diterima melainkan apabila mereka menerima Islam.
2. Berakal – orang gila itu tidak dikira mukallaf kerana dia tidak dapat membezakan baik atau buruk sesuatu perkara.
3. Selamat (sejahtera) pancaindera – tidak termasuk mukallaf orang yang cacat seluruh pancainderanya seperti buta, pekak dan bisu sekaligus. Ada pun yang sekadar cacat pendengaran sahaja (tuli) atau cacat penglihatan (buta) sahaja, maka dia tetap dikira mukallaf.

Dalam hal ini ampun maaf kita katakan, walaupun dalam keadaan tidak sempurna, namun ibadat dan ilmu orang yang cacat seperti buta dan pekak itu terkadang lebih baik dari orang yang langsung tidak ada sebarang kecacatan pancaindera seperti kita. Bermakna hati mereka lebih bersih dari hati kita.

4. Sampai seruan dakwah – sesiapa yang sampai kepadanya seruan Rasulullah s.a.w. kepada agama Islam tidak kira dari jalan dan wasilah apa pun, maka wajiblah ke atas dirinya mencari (mengkaji) dan seterusnya beriman kepada Allah dan kerasulan Nabi s.a.w. (ar-Risalah), seterusnya bersegera mengamalkan segala apa yang telah disyariatkan Allah s.w.t. tanpa paksaan.

Sekiranya kedapatan atau kemungkinan wujudnya manusia di tempat yang paling terpencil di atas dunia ini hingga dia tidak tahu-menahu langsung mengenai agama Islam dan juga dakwah (seruan) Rasulullah s.a.w., maka dia tidak dikira mukallaf dan apa yang dilakukannya tidak dicatat! Agaknya masih ada lagikah tempat dan insan sedemikian? Wallahu a’lham.

5. Baligh (sampai umur – di sini perbincangan kita) – Kanak-kanak tidak dikira mukallaf (tidak dibebani dengan perintah agama) sehinggalah ia sampai ke umur baligh. Bagaimanapun, Islam telah mengarahkan seluruh ibu bapa Muslim supaya menyuruh dan mendidik anak-anak mereka bersolat sedari kecil lagi (7 tahun berdasarkan hadis Nabi s.a.w.). Tujuannya supaya anak dapat membiasakan dirinya dengan perintah Allah selain ia dapat mendarah-dagingkan perintah Allah itu sendiri.

Apakah Erti Baligh?

Baligh ialah orang yang sudah sampai umur untuk menanggung kewajipan agama. Dr Wahbah Az-Zuhaili di dalam kitabnya Fiqh dan Perundangan Islam mencatatkan tanda-tanda baligh ada lima iaitu:

1. Mimpi (keluar mani) – bagi anak lelaki dan perempuan.
2. Tumbuh bulu – bagi anak lelaki dan perempuan.
3. Datang haidh – bagi anak perempuan (kebiasaannya 9 tahun)
4. Boleh mengandung – bagi anak perempuan (kebiasaannya 9 tahun)
5. Cukup umur 15 tahun (kebiasaan anak lelaki)

(Koleksi ANIS / Oleh: Amaluddin Mohd Napiah)